

Pemuda Umno tetap tolak Anwar

JERTIH: Pergerakan Pemuda Umno bertegas tidak akan memberi tempat kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk kembali ke pangkuan Umno walau apa cara sekalipun yang dilakukan olehnya atau pihak lain.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammudin Hussein, berkata sudah tiada lagi ruang untuk Anwar menyertai semula Umno walaupun ada pihak yang cuba berbuat sesuatu bagi mem-

bolehkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menyertai semula Umno.

"Tidak timbul soal membawa masuk semula Anwar kerana beliau sudah banyak melakukan kesilapan terhadap Umno dan adalah tidak benar Pemuda menyokong kemasukannya semula kerana dia sudah ditolak oleh ahli serta rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat Perwa-

kilan Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Besut, di sini, semalam. Hadir sama, Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh.

Hishamuddin turut menegaskan bahawa pihaknya tidak pernah menghalang mana-mana ahli Exco Pemuda yang dijemput menghadiri majlis perasmian mesyuarat mana-mana Bahagian Pemuda kerana mereka bebas menghadirinya jika diundang pihak tertentu.

BA - 12/8/2006
"Saya tidak pernah menyekat atau menghalang mereka dan dakwaan pihak tertentu bahawa ada ahli Exco disekat untuk hadir merasmikan mesyuarat perwakilan adalah tidak benar," katanya.

Justeru, beliau menasihati Pemuda supaya tidak mudah terpengaruh dengan isu berkenaan kerana Pemuda sentiasa bersikap terbuka serta mahu semua pemimpin bebas menjalankan aktiviti parti.